

PENDAHULUAN

Selain bangsa dan dunia, ada dunia lain yang mencantumkan bahwa sifat-sifat bangsa Indonesia adalah sebagai berikut: Jawa, Nusantara, Pribumi, bangsa Melayu, atau sebagainya. Beberapa sumber sejarah menyatakan bahwa orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa mengungkapkan bahwa mereka berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya.



Menurut sejarah, orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa adalah orang-orang yang berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya. Sumber-sumber ini menyatakan bahwa orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa adalah orang-orang yang berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya.

Menurut sejarah, orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa adalah orang-orang yang berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya. Sumber-sumber ini menyatakan bahwa orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa adalah orang-orang yang berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya. Sumber-sumber ini menyatakan bahwa orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa adalah orang-orang yang berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya. Sumber-sumber ini menyatakan bahwa orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Jawa adalah orang-orang yang berasal dari suku bangsa yang sama dengan orang-orang yang mendirikan kerajaan di pulau Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, dan sebagainya.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Setiap bangsa mempunyai sejarah tulisannya yang tersendiri. Begitu juga dengan bangsa Melayu. Sebelum kedatangan Islam, bangsa Melayu telah menggunakan beberapa jenis tulisan seperti tulisan Rencong, Pallava dan Kawi. Setelah kedatangan Islam, bangsa Melayu telah menggunakan sistem tulisan Jawi yang berasal daripada tulisan Arab sehingga meluas sehingga awal abad ke-20. Bahasa Melayu pula merupakan satu bahasa yang telah berkembang sejak dari dahulu kala lagi. Bahasa tersebut telah menjadi satu bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu dan telah menjadi bahasa *lingua franca*. Sebagai satu bahasa yang telah berkembang dengan pesat, bahasa Melayu telah dirakamkan dengan beberapa jenis aksara atau tulisan. Ada aksara yang dinamakan tulisan Rencong yang berbentuk seakan-akan tulisan Jepun moden yang kononnya pernah digunakan di daerah Sumatera Selatan. Ada pula bentuknya yang menyerupai tulisan orang di benua keling yang kononnya pernah digunakan di daerah Kerinci dan di Wilayah Aceh (Hamdan Abd. Rahman dalam Dewan Bahasa, Nov 1997 : 776).

Sesetengah bangsa ada mempunyai huruf sendiri daripada mula-mulanya dahulu lagi bagi menuliskan bahasanya iaitu direkanya atau dipindanya daripada tauladan bangsa lain seperti huruf Sanskrit, huruf Rum (huruf Latin), huruf Greek (Yunan), huruf Arab dan lain-lain (Za'ba, 1931:3). Dan sesetengah bangsa pula tiada berhuruf sendiri. Mereka hanya memakai huruf yang dipinjam daripada orang lain

sahaja untuk menuliskan bahasanya seperti huruf Inggeris, huruf Parsi, huruf Jawi (Melayu) dan lain-lain.

Dengan itu, bangsa Melayu adalah satu bangsa yang tiada berhuruf sendiri dan hanya memakai huruf yang dipinjam daripada bangsa lain untuk menuliskan bahasanya. Bangsa Melayu telah meniru huruf Arab yang dikenali sebagai tulisan Jawi.

Tulisan yang mula sekali digunakan di rantau ini ialah tulisan Devanagari (berasal dari India), iaitu tulisan orang Pallava. Selepas itu, lahirlah tulisan lain di Asia Tenggara seperti tulisan Jawa, Bali, Thai dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu, tulisan berbahasa Melayu tertua yang ditemui pada prasasti semuanya menggunakan huruf yang dipengaruhi tulisan lama India. Selain pengaruh tulisan dari India, terdapat juga tulisan lain yang digunakan oleh rumpun Melayu di Asia Tenggara, iaitu tulisan Rencong. Tulisan ini mempunyai berbagai-bagai nama dan terdapat di banyak tempat di Alam Melayu iaitu di Sumatera, Sulawesi dan Filipina. Tulisan ini digunakan oleh berbagai suku bangsa Melayu seperti Karo, Batak, Mandailing, Minangkabau, Rejang, Lampung, Kerinci, Bengkulu, Palembang, Bugis dan Mindoro (Amat Juhari Moain, 1996:xi-xiv).

Tulisan Rencong digunakan secara meluas di Pulau Sumatera, iaitu Sumatera Utara hingga ke Sumatera Selatan. Pada akhir abad ke 18, tulisan ini telah mula terdesak oleh tulisan Melayu huruf Arab. Sehingga di sebahagian tempat mula lenyap dan digantikan dengan tulisan Melayu huruf Arab atau Jawi. Namun, di daerah pedalaman yang kurang atau belum mendapat pengaruh luar, tulisan ini masih tetap digunakan di kalangan orang tua di kawasan hulu seperti di kawasan hulu di

Bengkulu, Minangkabau, Tanapuli dan Sumatera Selatan. Oleh itu, di sesetengah tempat di Sumatera Selatan dan juga di Bengkulu, tulisan ini dikenali dengan nama tulisan Ulu atau surat Ulu (Zainal Abidin Gani dkk. 1981:21 petikan Amat Juhari Moain, 1996:13).

Jenis tulisan yang ketiga yang digunakan oleh orang Melayu ialah tulisan Arab atau Jawi. Tulisan ini mula digunakan di Alam Melayu pada abad ke-3 Hijrah atau ke 10 Masihi di Kedah, kemudian pada abad ke 5 Hijrah atau ke-11 Masihi di Phan Rang, Vietnam, Pekan Pahang, Negara Brunei Darussalam dan Lerang di Gerisik, Jawa Timur. Selepas itu, timbul tulisan Arab atau Jawi Melayu seperti pada batu bersurat atau prasasti Terengganu, manuskrip Aqa'id al Nasafi, surat perjanjian, surat izin perdagangan atau lain-lain yang begitu banyak jumlahnya (Amat Juhari Moain, 1996 : xiv).

Selain itu, tulisan Pallava pula telah digunakan untuk bahasa Melayu kuno yang terdapat di Asia Tenggara seperti di Sumatera Selatan, Campa, Ligor dan di Pulau Jawa. Contohnya ialah tulisan Pallava yang digunakan pada prasasti Kota Kapor di Pulau Bangka, di Sumatera Selatan yang bertarikh pada abad ke 7 Masihi. Tulisan berbahasa Melayu kuno ini juga terdapat di tempat-tempat lain seperti Talang Tuwo, Karang Berahi, Kedukan Bukit, Sungai Marangin, Palas Pasemah serta yang lain-lainnya terdapat di Sumatera (Slametmuljana t.t. : 91-178 petikan Amat Juhari Moain, 1996:13).

Dengan itu, terdapat pelbagai jenis tulisan yang telah digunakan oleh bangsa Melayu untuk menuliskan bahasanya. Tulisan Jawi adalah merupakan salah satu tulisan yang digunakan oleh bangsa Melayu untuk menuliskan bahasanya.

1.1 SEJARAH KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN SISTEM TULISAN

Kajian ke atas sistem tulisan diberi nama epigrafi atau palaegrafi. Epigrafi mengkhusus kepada tulisan yang dicatat dengan dakwat atau warna, manakala palaegrafi mengkhusus kepada tulisan yang dipahat, diukir atau ditoreh di atas permukaan yang keras. Tulisan adalah sejenis tanda atau sign sama seperti bahasa itu sendiri. Tanda ialah sesuatu yang mewakili sesuatu yang lain iaitu yang merupakan maknanya. Kajian ke atas sistem tanda dinamakan *semiotics* atau *semiology* (Johns Lyons, 1977:100 petikan Hashim Musa dlm. Jurnal Dewan Bahasa Mac 1992:204).

Secara umum, tanda terdiri daripada tiga jenis benda seperti yang diutarakan oleh Johns Lyons iaitu *symbols* (lambang), *icons* dan *indices*. Simbol atau lambang ialah sejenis tanda yang bersifat arbitrari atau sewenang-wenang kaitannya antara bentuk tanda dan maknanya. Maksudnya tidak ada kaitan secara sedia jadi atau alamiah antara bentuk tanda dengan maknanya. Kaitannya adalah ciptaan manusia dan penerimaan kaitan itu adalah secara penerimaan ramai. Ikon pula ialah tanda yang bukan arbitrari sifatnya. Dalam hal ini, tanda itu menyerupai makna yang disignifikasikannya; keserupaan mungkin secara bentuk ataupun fungsi. Contohnya ialah seperti gambar, potret, peta, tanda jalan raya dan seumpamanya. *Indices* (atau bentuk tunggalnya indeks) ialah tanda-tanda yang menunjukkan sesuatu benda, perkara, keadaan atau kejadian secara petunjuk. Misalnya, asap ialah satu tanda atau indeks yang menunjukkan adanya api.

Menurut Hashim Musa (dalam Jurnal Dewan Bahasa Mac 1992:205) bahawa tulisan adalah merupakan lambang yang berbentuk coretan atau loretan bagi

bahasa. Bahasa pada asasnya ialah bunyi ujaran yang dikeluarkan oleh organ pertuturan manusia yang secara arbitrarji melambangkan maknanya dan digunakan oleh satu masyarakat bahasa untuk perhubungan. Perkataan *tulis* mengikut Russel Jones dengan berdasarkan kamus Wilkinson (1932/1956:1245) adalah perkataan Melayu asli bukan pinjaman daripada Sanskrit. Tulis mempunyai makna *mewarnai* misalnya dengan cat, pewarna atau dakwat, *mencoretkan* dengan dakwat atau cat dan juga *melukis* misalnya gambar yang baru ditulis.

Gelb telah menegaskan bahawa tulisan lahir apabila manusia mengetahui bagaimana hendak menyampaikan fikiran dan perasaannya melalui tanda-tanda tampak atau visual dalam bentuk yang bukan sahaja dimengertinya sendiri tetapi oleh orang lain juga. Oleh itu, pada mulanya gambar lukisan atau torehan merupakan manifestasi fikiran dan perasaan manusia secara tampak untuk disampaikan kepada orang lain dan bentuk demikian tidak terikat pada bahasa. Hal ini demikian kerana fikiran dan perasaan itu disampaikan terus melalui gambar lukisan itu. Misalnya, masyarakat orang Asli Amerika daripada suku kaum Dakota melukiskan (di atas belulang lembu) lima kepala manusia di atas garis memanjang yang melambangkan permukaan air; maksudnya lima orang telah mati lemas (H. Jensens, 1970:43 petikan Hashim Musa dalam Jurnal Dewan Bahasa, Mac 1992:205). Sistem tulisan sedemikian telah diberi nama *idea writing* iaitu satu lukisan menggambarkan satu idea atau mesej tertentu.

Sesudah sistem tulisan *idea writing* yang merujuk kepada seluruh idea atau mesej tertentu, maka timbul pula apa yang disebut sebagai *word picture writing* iaitu sesuatu bentuk lukisan yang merujuk kepada satu perkataan sahaja dan bentuk-bentuk itu apabila dideretkan akan membentuk satu ayat. Sistem tulisan sedemikian

dikenal juga sebagai *ideograms*. Contoh sistem tulisan ini yang paling masyhur ialah sistem tulisan hieroglif Mesir purba yang lahir kira-kira tiga ribu tahun sebelum Masihi.

Perkembangan yang selanjutnya ialah terciptanya apa yang disebut sebagai *Phonetic Word Script*. Oleh sebab dalam bahasa Mesir Purba seperti dalam bahasa-bahasa lain juga, ada perkataan-perkataan struktural seperti kata depan, kata hubung, kata penguat, kata penekan dan imbuhan-imbuhan yang tidak mudah dilambangkan oleh gambar tertentu, maka satu kaedah perlambangan perkataan berdasarkan bunyi sebutan benda yang dilambangkan oleh sesuatu gambar telah digunakan. Misalnya, jikalau dalam bahasa Inggeris, untuk melambangkan perkataan “belief”, gambar-gambar “bee” dan “leaf” digunakan.

Perkembangan yang seterusnya ialah kemunculan *alphabetic script* iaitu satu gambar melambangkan bunyi yang pertama bagi benda yang dilambangkannya. Misalnya, gambar “ular” yang berbunyi d-t melambangkan bunyi fonetik *d* sahaja, gambar “mulut” yang berbunyi *r* - melambangkan tanda fonetik *r* sahaja. Melalui kaedah yang sedemikian, huruf-huruf Mesir Purba memperoleh 24 abjad. Kesemua abjad tersebut terdiri daripada konsonan seperti yang dipetik daripada Jensen (1970:61) yang menunjukkan bagaimana daripada gambar-perkataan atau *word-writing* itu, diterbitkan satu tanda fonetik-konsonan dengan mengambil bunyi pertama daripada perkataan yang digambarkan oleh *word writing* itu (Hashim Musa, Mac 1992 : 206-207).

Satu lagi sistem tulisan purba yang berkembang daripada sistem *word picture writing* ialah sistem tulisan keluarga *cuneiform script* yang dikatakan tercipta

oleh bangsa Sumeria pada sekitar abad ke empat Millennium S.M. Sistem tulisan ini terdiri daripada empat kumpulan kecil iaitu Sumeria-Babylonia-Mesopotamia, Elamitic, Parsi Purba dan Syria. Nama yang diberikan kepada tulisan ini ialah cuneiform atau wedge kerana bentuknya menyerupai sejenis baji (A.Gaur,1984:49 petikan Hashim Musa, Mac 1992:207).

Selain itu, terdapat juga sistem tulisan Cina yang mula-mula tercatat kira-kira abad kedua Millennium S.M dan kini sudah berumur 4000 tahun. Sejak mula-mula tercipta, tulisan Cina mengalami perubahan-perubahan yang kecil sahaja. Unsur tulisan-gambar yang asli masih lagi dapat dikesan. Tulisan Cina pada asasnya ialah daripada jenis *word-picture* atau *concept script* iaitu kombinasi antara unsur-unsur ideografik dengan fonetik. Apabila tulisan Cina sampai ke Jepun melalui Korea pada permulaan tahun Masihi, sistem itu telah dapat diadaptasikan oleh orang-orang Jepun untuk penulisan bahasa mereka dan lahirlah sistem tulisan silabik Jepun yang dinamakan *Kana Script*. Seterusnya sistem tulisan itu dipermudahkan sehingga muncullah sistem tulisan yang dikenal sebagai *Katagana* dan *Hiragana*. Namun, oleh sebab pengaruh tulisan Cina begitu lama dan mendalam, tulisan itu digunakan juga bersekali dengan tulisan *Kana*. Sistem tulisan campuran itu diberi nama *Kanji*.

Di Korea, tulisan Cina yang diperkenalkan dalam abad pertama tahun Masihi, telah diadaptasikan juga oleh orang Korea untuk menulis bahasa mereka sehingga abad ke tujuh Masihi. Sesudah seorang sarjana Korea bernama Se-chong telah mencipta satu sistem skrip silabik yang lebih sesuai dengan bahasa Korea dengan berdasarkan tulisan Cina. Seterusnya pada tahun 1446, Raja Korea Se-chong telah mencipta satu skrip yang lebih mudah lagi yang diberi nama '*enmun*' untuk disesuaikan dengan keperluan percetakan skrip ini seluruhnya berdasarkan sistem

alphabetic, iaitu mengandungi 11 lambang vokal dan 17 lambang konsonan (Hashim Musa, Mac 1992:210).

Oleh itu, terdapat pelbagai jenis tulisan yang telah digunakan oleh manusia sebelum wujudnya tulisan yang paling mudah untuk difahami yang berdasarkan kepada sistem *alphabetic*.

1.2 KEMUNCULAN SKRIP DAN ISTILAH JAWI

Kedatangan agama Islam di Kepulauan Melayu bukan sahaja membawa perubahan dari segi kepercayaan masyarakat tetapi juga telah mengubah pelbagai aspek yang lain seperti budaya, bahasa, tulisan dan sebagainya. Menurut S.M.N al Attas (1969:22,27 petikan Hashim Musa,1999:6) bahawa bahasa Melayu juga telah mengalami proses pengislaman. Di samping pengayaan istilah-istilah dengan kemasukan istilah Arab dan Parsi-Islam, bahasa Melayu juga telah menjadi alat perantaraan penyampaian dan pengajaran Islam di seluruh Kepulauan Melayu termasuk juga Thai Selatan dan Kampuchea.

Dengan itu, bahasa Melayu telah tersebar dan berkembang bukan sahaja setakat bahasa *lingua franca* tetapi juga telah memainkan peranan sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran serta penyebaran agama Islam. Akibat daripada proses pengislaman ini, bahasa Melayu telah berkembang pada satu tahap lagi iaitu timbulnya skrip Jawi yang berasal daripada skrip Arab untuk menulis dan mengeja bahasa Melayu. Skrip Jawi atau dikenali juga sebagai tulisan Melayu huruf Arab telah dibuat beberapa pindaan daripada skrip Arab untuk disesuaikan dengan sebutan orang Melayu.

Menurut Amat Juhari Moain (1996:17) bahawa nama “Jawi” itu berasal daripada kata nama bahasa Arab “Jawah”. Apabila dijadikan kata adjektif “Jawah” menjadi “Jawi”. Perkataan “Jawah” atau “Jawi” itu berkemungkinan berasal daripada perkataan “Javadwipa”, iaitu nama bagi daerah Asia Tenggara pada zaman purba. Buktinya, ibn Battutah dalam bukunya al-Rihlah menggelar nama Sumatera sebagai al-Jawah. Bagi orang Arab, bahagian kata “Java” sahaja yang diambil, sedangkan “dwipanya” ditinggalkan.

Manakala menurut Omar Awang (1985:190 petikan Hashim Musa:1999:9) mengatakan bahawa:

" Kemungkinan perkataan "Jawi" berasal daripada perkataan arab "al-Jawah" yang pernah digunakan dalam catatan Arab "al-Jawah" yang pernah digunakan dalam catatan Arab yang tertulis sebelum pertengahan abad ke 14 Masihi untuk menamakan Pulau Sumatera, misalnya Yaqut, dalam Mu'jan al-Buldan, Abu al-Fida' dalam Taqwim al-Buldan dan Ibn Batutah dalam Rihlat Ibn Batutah."

Fakta ini menunjukkan bahawa satu kemungkinan yang kuat bahawa skrip Jawi itu dinamakan oleh orang Arab untuk merujuk skrip ejaan yang digunakan oleh orang Sumatera iaitu penduduk al-Jawah yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu.

Menurut William Marsden (1812: xv petikan Hashim Musa,1999:9) pula bahawa nama “Jawi” juga pernah menjadi tanda tanya kepada G.H. Werndly (iaitu ketua penterjemah kitab Injil ke dalam bahasa Melayu pada tahun 1731-33 Masihi

dan penyusun sebuah tatabahasa Melayu pada tahun 1736 Masihi) tentang asal-usulnya dan menyimpulkan bahawa “Jawi” boleh dikaitkan dengan perkataan “Jawa” yang disebut oleh Marco Polo sebagai nama lama bagi Pulau Sumatera pada zaman itu yang mungkin hasil penamaan oleh orang Arab.

Selain itu, terdapat juga pendapat bahawa “Jawi” adalah berasal daripada suku kaum Jawa yang membentuk kumpulan Melayu terbesar di Tanah Arab pada zaman dahulu. Orang-orang Arab telah menganggap semua manusia berkulit sawo matang dari Alam Melayu ini sebagai orang Jawa. Seterusnya segala yang bersangkutan dengan orang Melayu disifatkannya sebagai “Jawi”. Orangnya dikenali sebagai orang Jawi, tanahnya dikenali sebagai tanah Jawi, bahasanya dinamakan bahasa Jawi dan tulisan yang digunakan dalam media persuratannya dinamakan tulisan Jawi .

Oleh itu, secara berurutan, perkataan “Jawi” ini mula-mulanya merupakan nama tanah, iaitu Alam Melayu, kemudian menjadi nama bahasa dan sekarang menjadi nama tulisan pula. Di Indonesia, tulisan Jawi lebih dikenali sebagai tulisan Arab-Melayu sementara di Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Wilayah Thai Selatan dikenali sebagai tulisan Jawi, iaitu satu sistem tulisan yang huruf-huruf Arab digunakan sebagai penunjangnya (Hamdan Abdul Rahman, 1999:1-2).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Tulisan Jawi pada peringkat awalnya mengalami pertumbuhan dan perkembangan yang cukup pesat melalui sistem pendidikan agama sama ada di pondok pengajian atau di masjid. Tulisan Jawi mempunyai kedudukan yang istimewa dalam konteks perkembangan kebudayaan Melayu di Nusantara. Seiring dengan perkembangan bahasa Melayu pada ketika itu, bahasa Melayu menjadi begitu penting dalam semua urusan. Hal ini terbukti apabila surat menyurat antara pemerintah dan pedagang menggunakan tulisan Jawi. Kita juga harus sedar, tanpa tulisan Jawi bahasa Melayu tidak mungkin mampu menjadi *lingua franca* pada suatu masa dahulu. Ini kerana tulisan Rumi yang kita gunakan sekarang hanya baru setahun jagung jika dibandingkan dengan penggunaan tulisan Jawi.

Pada ketika itu juga penggunaan tulisan Jawi di dalam media cetak begitu meluas hingga ke majalah hiburan seperti Majalah Filem, Gelanggang, Hiboran selain daripada Mastika, majalah Guru yang ditulis dalam tulisan Jawi. Tulisan Jawi juga berada di barisan hadapan sebagai media persuratan Melayu sehingga sejurus sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (Hamdan Abdul Rahman, 1999 : 243).

Kedatangan Inggeris yang menjajah Tanah Melayu telah mengugat kedudukan tulisan Jawi. Pihak Inggeris telah memperkenalkan tulisan Rumi kepada masyarakat tempatan. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, tulisan Rumi telah digunakan secara meluas dalam urusan pentadbiran dan pendidikan. Tulisan Jawi terus terpinggir dan kurang mendapat perhatian apabila Akta Bahasa Kebangsaan telah menetapkan bahawa tulisan rasmi bagi bahasa Kebangsaan ialah

tulisan Rumi walaupun akta tersebut tidak menghalang penggunaan tulisan Jawi.

Generasi muda kini tidak lagi dapat melihat peranan dan fungsi tulisan Jawi kecuali dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama. Bahan-bahan bacaan dalam tulisan Jawi juga amat kurang. Satu-satunya akhbar Jawi yang masih wujud ialah Utusan Melayu dan Utusan Zaman. Utusan Melayu yang telah diterbitkan pada 29 Mei 1939 dan kini berusia lebih 60 tahun perlu menerima realiti bahawa ia kini tidak lagi diterima oleh bangsanya. Orang Melayu kini kurang kesedaran tentang kepentingan dan sejarah tulisan warisan bangsanya sendiri. Ini adalah sejajar dengan kenyataan yang ditegaskan oleh Datuk Johan Jaaffar yang merupakan bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan. Tegas beliau:

"Orang Melayu kurang kesedaran terhadap sejarah, tradisi dan sumbangan yang tidak ternilai institusi seperti akhbar Utusan Melayu."

(Mingguan Malaysia, 12 Jan 2003)

Sesetengah individu pula beranggapan bahawa tulisan Jawi merupakan tulisan yang dikaitkan dengan agama Islam semata-mata. Ini kerana kebanyakan mereka hanya mengenali tulisan Jawi semasa di sekolah kebangsaan dalam matapelajaran agama. Sedangkan hakikatnya, tulisan Jawi pernah memainkan peranan yang sama dengan tulisan Rumi pada masa dahulu. Ekoran daripada itu, maka malaplah tulisan Jawi; bukan sahaja anak-anak muda Melayu sudah mula buta Jawi, tetapi peranan tulisan Jawi dalam pentadbiran sudah hilang sama sekali. Bahkan dalam jabatan-jabatan agama sekalipun, tulisan yang digunakan sudah berubah daripada Jawi kepada Rumi (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1009).

Justeru, perlu difikirkan mengapalah bangsa lain dapat mengekalkan tulisan mereka, sedangkan bangsa Melayu terus meminggirkan warisan tulisannya. Bangsa Melayu sepatutnya terus menggunakan warisan tulisannya kerana ia merupakan warisan budaya bangsa seperti yang telah ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mohd. Khir Toyo dalam ucapannya ketika merasmikan Bengkel Akhbar Jawi Dalam Kelas (Ajak) di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Tegas beliau :

"...orang-orang Melayu tidak harus merasa malu dan segan menulis Jawi kerana ia merupakan warisan budaya bangsa..."

(Mingguan Malaysia, 17 Jun 2001)

Gerakan politik dan pertubuhan sosial Cina yang giat memperjuangkan hak bangsa mereka untuk terus mengekalkan warisan bahasa dan tulisan mereka harus dicontohi. Sesuatu yang menyedihkan ialah ketika akhbar harian Jawi yang sinonim dengan Melayu diketepikan oleh orang Melayu, masyarakat Cina dengan bangga dan gembira menyambut kelahiran sebuah lagi akhbar harian Cina, *Oriental Daily News* (Mingguan Malaysia, 12 Jan 2003). Perjuangan bahasa ini belum cukup bermakna jika tulisan yang menjadi identiti bahasa Melayu sejak ratusan tahun yang lalu terus terpinggir lebih-lebih lagi selepas zaman kemerdekaan.

Dengan itu, kedudukan tulisan Jawi semakin malap dari sehari ke sehari. Jumlah anak muda Melayu yang buta Jawi semakin bertambah dengan banyak jumlahnya. Jika langkah yang sewajarnya tidak diambil, kemungkinan besar pada suatu ketika nanti tidak akan ada lagi orang Melayu yang mengenal tulisan Jawi, sama seperti orang Melayu sekarang yang tidak mengenal tulisan Hindu yang

digunakan oleh orang Melayu lebih sepuluh abad yang lalu (Amat Juhari Moain, Nov 1991:1011).

Bertitik tolak daripada huraian tersebut, timbul beberapa persoalan, antaranya:

1. Adakah generasi muda hari ini tidak mampu menguasai jawi dengan baik sama ada kemahiran membaca atau menulis;
2. Apakah pemunggiran tulisan Jawi telah sampai kepada satu tahap yang serius yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh semua golongan masyarakat;
3. Perlukah penggunaannya disebarluaskan supaya bangsa Melayu tidak akan kehilangan warisan bangsanya dan warisan bangsanya itu tidak hanya tinggal dalam lipatan sejarah.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif-objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :

1. Menilai tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu.
2. Mengetahui tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu iaitu membaca dan menulis.
3. Mengenal pasti persepsi masyarakat Melayu terhadap tulisan Jawi.
4. Mengkaji faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu.
5. Meninjau usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat Melayu untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi.

1.5 KAJIAN YANG BERKAITAN

1.5.1 Kajian oleh Sarjana Barat

Terdapat beberapa orang Sarjana Barat yang telah membuat kajian berkaitan dengan tulisan Jawi. Antaranya ialah W.G. Shellabear, William Marsden, R.O Winstedt dan Frank Swettenham. Kebanyakan daripada Sarjana Barat yang membuat kajian ini adalah kerana minat mereka yang mendalam terhadap khazanah bangsa Melayu. Tetapi terdapat juga daripada kalangan mereka yang membuat kajian-kajian tersebut kerana terdapat kepentingan dan tujuan-tujuan yang lain seperti untuk memahirkkan diri mereka dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu supaya mudah bagi mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat tempatan dalam usaha untuk menyebarkan agama Kristian.

Kebanyakan daripada Sarjana Barat membuat kajian dan penelitian terhadap perkembangan sistem tulisan Jawi pada waktu itu. Contohnya ialah W.G. Shellabear dalam bukunya *The Evolution of Malay Spelling (1901)* telah menyentuh secara ringkas perkembangan tulisan Jawi selama 300 tahun sejak tahun 1600 (Shellabear, 1901:103 petikan Gang Kyoung Seuck, 1990:33). Dalam buku tersebut, beliau telah menyatakan bahawa huruf و dan ی sebagai huruf vokal yang terakhir yang ditiadakan itu dinyatakan kembali. Contohnya:

فادي → فاد

اکو → اوک

Jadi, vokal yang paling akhir itu dinyatakan sebagai huruf saksi kecuali huruf alif sahaja.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa perkataan yang diakhiri oleh huruf alif, tidak menggunakan alif sebagai vokal yang paling akhir kecuali fonem yang beraksen atau mempunyai tekanan suara. Dalam penulisan Jawi juga tanda tasydid tidak lagi digunakan.

Manakala seorang lagi Sarjana Barat yang membuat kajian terhadap tulisan Jawi iaitu William Marsden dalam bukunya *A Grammar of the Malayan Language* (1812) telah mengemukakan satu kaedah iaitu jika vokal terbuka akhir yang tersembunyi itu menjumpai ُ maka vokal depan yang ternyata itu disembunyikan dan sekaligus vokal belakang yang tersembunyi itu dihidupkan semula.

Contohnya :

كُدُّ ← كَدَ ← كَد ← كَدَ ← كَد ← كَد ← كُدُّ
كُدُّنَ ← كَدَنَ ← كَدَنَ ← كَدَنَ ← كَدَنَ ← كَدَنَ ← كُدُّنَ

Tulisan Jawi pada mulanya mempunyai unsur Arab iaitu berbaris dan bertasydid (Marsden, 1812:119 petikan Gang Kyoung Seuck, 1990:38).

Marsden juga menegaskan (Marsden:92 petikan Gang Kyoung Seuck, 1990:50) apabila kata depan ‘di’ digabungkan dengan perkataan ‘اتس’ dan

maka ia adalah berlainan daripada ‘دَاتِسْ’ yang menggantikan ‘يُ’ dengan ‘ءُ’.

Selain itu, R.O Winstedt yang terkenal dengan kesarjanaan Melayu pula menyatakan dalam bukunya *Malay Grammar* (1914) (Winstedt : 39 petikan Gang Kyoung Seuck, 1990:102) bahawa sistem bagi akhiran -an dan 'i' telah muncul pada permulaan kurun yang ke 17 . Dalam satu-satu perkataan yang mempunyai dua vokal, vokal yang pertama mesti dihilangkan dan vokal yang kedua mesti dinyatakan apabila digabungkan dengan bentuk ‘يِنْ’، ‘كِنْ’ atau ‘ءِيْنْ’.

تاه (tahu) + ئى (i) → تھوي (tahui)

جاد (jadi) + کن (kan) → جادیکن (jadikan)

کود (kuda) + نیا (nya) → کدانہ (kudanya)

Frank Swettanham juga merupakan seorang pengkaji tulisan orang Melayu. Beliau telah menghasilkan buku yang bertajuk *Vocabulary of the English and Malay Languages* pada tahun 1910. Dalam kamus tersebut, beliau telah menyatakan bahawa beliau telah mencipta huruf-huruf konsonan Melayu dengan melihat kepada persamaannya dengan huruf Rumi (Frank A. Swettanham, 1910); seperti kata beliau:

"I have reproduced the Malay consonants by their equivalents in Romans letters in every case"

(Frank A. Swettanham, 1910:xi)

Beliau juga ada menyatakan bahawa setiap vokal dalam bahasa Melayu tidak boleh disamakan dengan huruf Melayu sepenuhnya kerana ia akan menimbulkan kekeliruan. Contohnya, untuk menyatakan ‘ي’ adalah sama sepenuhnya dengan vokal ‘i’ adalah tidak menepati kerana terdapat juga huruf-huruf Melayu bagi konsonan ‘e’. Contohnya:

Perkataan **منغ** - tidak mempunyai maksud yang bermakna tetapi ia merupakan kata bahasa Melayu iaitu 'menang'. Dengan itu, vokal 'e' dan 'a' perlu dinyatakan dengan sendiri dan tidak ditulis dalam ejaan Jawi.

Begitulah antara penyelidikan yang telah dijalankan oleh sarjana-sarjana Barat terhadap tulisan orang Melayu. Mereka telah menjalankan kajian-kajian tersebut kerana minat yang mendalam terhadap tulisan orang Melayu atau kerana terdapatnya kepentingan-kepentingan yang lain bagi mereka.

1.5.2 Kajian di Malaysia

Di Malaysia terdapat beberapa orang tokoh yang membuat peninjauan dan pangkajian dalam tulisan Jawi. Ini kerana kesedaran mereka tentang khazanah bangsa Melayu yang amat penting pada suatu masa dahulu. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah seperti Za'ba, Kang Kyoung Seuck, Amat Juhari Moain, Hamdan Abdul Rahman, Hashim Musa dan lain-lain lagi. Mereka telah membuat kajian-kajian berkenaan dengan sejarah tulisan Jawi, perkembangan tulisan Jawi, penggunaan tulisan Jawi dan juga penyebaran tulisan Jawi.

Za'ba dalam bukunya *Daftar Ejaan Melayu* yang diterbitkan pada tahun 1949 mendapati bahawa ejaan baku bagi perkataan ‘makanan’ ialah ‘مکان’ dan ‘kemalangan’ ialah ‘كملاڠن’. Pada hal bentuk asal ‘makan’ ialah ‘ماكن’ dan ‘malang’ ialah ‘مالڠ’. Teorinya ini telah memperlihatkan satu hukum iaitu dalam perkataan seperti ‘ماكن’ apabila digabungkan dengan akhiran ‘ن’ maka alif yang awal akan dihilangkan dan alif yang tersembunyi akan dihidupkan kembali menjadi bentuk ‘مکان’ (Za'ba, 1949:614 petikan Gang Kyoung Seuck, 1990:100).

Kang Kyoung Seuck pula telah mengkaji tentang perkembangan tulisan Jawi sejak ia diperkenalkan dalam masyarakat Melayu sehingga semasa kajian tersebut dijalankan. Kajian ini adalah merupakan tesis beliau untuk memenuhi Ijazah Sarjana Sastera di Universiti Malaya. Beliau adalah seorang sarjana bahasa Melayu dari Korea .

Beliau telah mengemukakan satu teori tentang perkembangan sistem ejaan Jawi dari dahulu hingga sekarang iaitu dari tarikh kira-kira 1220 Masihi hingga tahun 1986 (Kang Kyoung Seuck:29 petikan Gang Kyoung Seuck, 1990:xxvii). Beliau telah membahagikan perkembangan tersebut kepada dua bahagian besar iaitu pengaruh Arab dan unsur Melayu. Bahagian pengaruh Arab dibahagikan kepada dua pecahan lagi iaitu ejaan yang menggunakan baris dan ejaan yang menggunakan syaddah atau sabdu. Sedangkan bahagian unsur Melayu dibahagikan kepada dua iaitu penambahan vokal depan dan penambahan vokal belakang (Gang Kyoung Seuck, 1990:xxviii).

Contohnya:

ترَلْلُ ← تِرَلْلَ ← تِرَلْلَ ← تِرَلْلَ ← تِرَلْلَ ← تِرَلْلَ

Seorang lagi tokoh yang membuat pengkajian tentang tulisan Jawi ialah Amat Juhari Moain dalam bukunya *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi* yang diterbitkan pada tahun 1996. Beliau berminat untuk membuat kajian tentang aksara atau tulisan Jawi kerana tulisan inilah yang telah lama wujud dalam kebudayaan dan bangsa Melayu, iaitu dari abad ke-10 atau ke-3 Hijrah hingga sekarang ini. Tulisan inilah yang telah mendukung kebudayaan bangsa dan tamadun Melayu yang agung dan juga yang mengantarkan bangsa Melayu keambang tamadun Melayu moden yang wujud sekarang ini. Tulisan Rumi yang wujud dewasa ini hanya baru berfungsi dalam kebudayaan bangsa Melayu sejak selepas Perang Dunia Kedua ini sahaja. Dalam menerokai liku-liku sejarah tulisan Jawi, beliau telah meneliti berbagai-bagai sumber daripada bahan bertulis seperti manuskrip Melayu lama, tulisan-tulisan daripada hasil kajian pengkaji-pengkaji yang terdahulu, wang logam dan kertas lama dan sebagainya.

Dalam buku tersebut, beliau juga membuat penelitian terhadap sistem ejaan tulisan Jawi dan juga bentuk-bentuk huruf yang mendukungnya. Huruf-huruf Arab yang diserap, dikekalkan sampai ke hari ini. Kemudian, ditambah huruf-huruf yang lain bagi melengkapkan tulisan Jawi untuk kegunaan bahasa Melayu, lantaran terdapat fonem-fonem Melayu yang tidak dilambangkan dengan huruf-huruf Arab yang ada. Namun, huruf Jawi yang baru ini masih tetap menggunakan “rumah” huruf Arab. Yang baru hanyalah jumlah titik-titik yang diberikan kepadanya seperti pada huruf ك ، ج ، ف ، غ ، ش ، ذ ، ق (Amat Juhari Moain, 1996:xv).

Beliau juga membuat penelitian tentang sistem ejaannya yang sentiasa berubah-ubah yang sesuai dengan perkembangan dan keperluan. Pada mulanya, ejaannya adalah mengikut sistem bahasa Arab, iaitu dengan menggunakan baris seperti جك و اكم. Setelah bentuk-bentuk ejaan ini mantap dan para penggunanya telah mahir dengan sistem ejaan tersebut, maka tanda barisnya dihilangkan. Dengan itu, ejaannya seperti جك و اكم. Sistem ini kemudiannya berubah kerana sistem tersebut mendatangkan banyak kekeliruan dan kesulitan dari segi membaca dan memahami makna katanya (Amat Juhari Moain,1996:xv).

Bagi mengatasi masalah tersebut, diwujudkan huruf-huruf saksi yang pada mulanya tidak ada kerana dalam bahasa Arab yang ada hanya tanda-tanda baris. Huruf-huruf saksi itu diambil daripada huruf-huruf benar yang wujud dalam tulisan bahasa Arab iaitu ٍ, ِ, ْ dan ِي . Dengan itu, fungsi huruf tersebut ada dua iaitu huruf benar dan huruf saksi. Dengan adanya huruf-huruf saksi tersebut, maka wujud sistem ejaan pengaruh Melayu, iaitu membubuh huruf saksi pada ejaannya. Mula-mula dibubuh huruf saksi pada suku kata pertamanya seperti pada perkataan لَكْ و مَاتْ. Sistem ini banyak mengatasi masalah homografi, namun tidak berjaya menghapuskan kesemuanya. Dengan itu, lahir lagi satu sistem ejaan Jawi yang baru, iaitu dengan membubuh huruf saksi pada suku kata kedua. Contohnya لِكْ و مِاتْ.

Beliau juga ada menyatakan bahawa tulisan Jawi hanya mula memudar apabila masuk tulisan Rumi. Namun, tulisan Jawi masih mempunyai peranan kerana tulisan Jawi menembusi ruang seni dalam kebudayaan Melayu. Salah satunya ialah tulisan khat atau kaligrafi yang banyak digunakan untuk menghias masjid, madrasah, makam, sijil dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 1996: xvii).

Selain itu, Hamdan Abdul Rahman dalam bukunya yang berjudul *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi* pula membuat penelitian tentang perihal huruf Jawi seperti sifat, bentuk dan rangkaian atau sambungan huruf Jawi. Dalam buku tersebut, beliau menyatakan bahawa terdapat empat bentuk huruf Jawi iaitu bentuk tunggal, bentuk awal, bentuk tengah dan juga bentuk akhir. Contohnya:

Bentuk Huruf Jawi	Huruf Jawi	Contoh
Bentuk Tunggal	ڠ	بواس
Bentuk Awal	ݔ	سکوٰل
Bentuk Tengah	ݔ	اغسا
Bentuk Akhir	ݔ	بيمسڠ

Dalam buku tersebut juga beliau ada menyatakan tentang kaedah ejaan yang terkini termasuklah kata-kata jati Melayu dan juga kata-kata serapan (pinjaman) daripada bahasa asing terutamanya bahasa Arab (Hamdan Abdul Rahman, 1999: xv). Contohnya:

Kata Jati Melayu

Rak → رق

Kata Serapan (Arab)

Dam → دم

Cermin → جرمين

Hak → حق

Hashim Musa juga adalah merupakan seorang pengkaji tulisan Jawi. Dalam bukunya, *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi* yang diterbitkan pada tahun 1999 memuatkan hasil kajian tentang pertumbuhan dan perkembangan tulisan Jawi dari tahap permulaan iaitu kira-kira abad ke 13/14 Masihi hingga awal tahun 90-an. Penumpuan utama beliau ialah tentang tahap-tahap pensistemana ejaan Jawi dari tahap Batu Bersurat Terengganu (1303 Masihi) yang banyak menggunakan abjad vokal pada suku-suku kata terbuka baik pada awal, tengah atau akhir yang berkemungkinan besar dipengaruhi oleh sebutan bahasa Sanskrit, ke tahap-tahap penubuhan kerajaan Melayu di Sumatera yang menjadi pusat pengajian dan penyebaran Islam ke seluruh Kepulauan Melayu.

Pada tahap ini, sistem ejaan Jawi sangat terpengaruh dengan sistem ejaan Arab yang menggunakan sistem baris dan mengurangkan penggunaan abjad vokal dalam pengejaan persukuan kata. Seterusnya, beliau mengkaji tahap-tahap pensistemana ejaan Jawi pada abad-abad ke-17,18 dan 19 serta abad yang ke-20. Pada bahagian kedua abad ke-19, sistem ejaan Jawi telah mula meninggalkan sifat ejaan lamanya yang banyak menggunakan sistem baris pada suku-suku kata perkataan kepada penggunaan abjad vokal alif, wau dan ya dengan lebih meluas (Hashim Musa, 1999:ix).

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini perlu dilakukan kerana pada hari ini hemat pengkaji tulisan Jawi pada hari ini terus terpinggir dan tidak lagi mendapat tempat yang setanding dengan kedudukannya pada zaman lampau. Objektif utama kajian ini adalah untuk meninjau sejauhmanakah penggunaan tulisan Jawi dalam masyarakat kita pada hari ini. Kita

selaku bangsa yang mewarisi khazanah bangsa kita sendiri hendaklah mengambil berat tentang hal ini supaya ia tidak tinggal sejarah semata-mata. Kita seharusnya memperkembangkan lagi penggunaannya pada masa sekarang ini supaya tulisan Jawi sentiasa digunakan seperti kata pepatah *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*.

Kajian ini juga akan dapat memberikan pemahaman yang lebih objektif dan mendalam tentang sejarah dan kepentingan tulisan Jawi kepada semua pembaca khasnya dan masyarakat amnya. Selama ini, banyak pihak yang belum mendapat penjelasan yang sebenarnya tentang tulisan Jawi. Generasi muda hari ini tidak dapat menguasai jawi dengan baik sama ada dari segi penulisan atau pembacaan. Mereka menganggap bahawa tulisan Jawi hanya memainkan peranan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan agama sahaja. Ini kerana mereka hanya dapat mempelajari tulisan Jawi dalam mata pelajaran agama di sekolah sahaja. Tetapi mereka harus sedar bahawa tulisan Jawi memainkan peranan yang sama dengan tulisan Rumi pada suatu masa dahulu.

Kajian ini juga merupakan satu sumbangan kepada bidang sosiolinguistik khasnya kajian sosiolinguistik bahasa Melayu. Menurut Ajid (dalam Jurnal Dewan Bahasa, Dis 1990:923), penyelidikan sosiolinguistik bahasa Melayu masih belum mencapai kemajuan yang secukupnya, sama ada dilihat dari segi bilangan penyelidikan atau penerbitan, skop yang dicakupi ataupun meneliti sesuatu persoalan yang dikaji. Sebenarnya, bidang sosiolinguistik adalah satu bidang yang agak muda usianya jika dibandingkan dengan bidang-bidang ilmu linguistik yang lain. Namun begitu, perkembangan-perkembangan yang terakhir telah menunjukkan bahawa para penyelidik bahasa Melayu semakin menerima pandangan bahawa persoalan

linguistik itu tidak hanya terbatas kepada soal struktur sahaja. Jadi, soalan-soalan seperti siapa yang berkata, kepada siapa, bila, bagaimana caranya sesuatu itu dikatakan harus dicari atau diberi huraiannya selain memerikan ‘apa yang dikatakan’. Matlamat kajian sosiolinguistik bahasa Melayu selain memperdalamkan pemahaman kita terhadap sifat bahasa Melayu itu, seharusnya juga memberi sumbangan terhadap perkembangan teori ilmu linguistik umumnya dan sosiolinguistik khasnya (Ajid Che Kob, Dis 1990 : 923).

Hasil daripada kajian ini juga akan dapat menyedarkan masyarakat terutamanya orang Melayu tentang pentingnya kita berganding bahu untuk mengekalkan dan memperkembangkan lagi khazanah bangsa Melayu ini. Dengan itu, faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh *masyarakat untuk meningkatkan lagi tahap penguasaannya* akan dapat dikenal pasti. Selain itu, pengkaji juga mengharapkan semoga dengan terdapatnya kajian seperti ini akan dapat menambahkan lagi hasil penulisan yang berkaitan dengan tulisan Jawi yang sememangnya kurang mendapat sambutan pada hari ini. Insya-Allah, kajian ini akan dapat menjadi sumber rujukan bagi pengkaji-pengkaji yang akan datang.

1.7 BIDANG DAN BATASAN KAJIAN

Melalui kajian ini, fokus utama pengkaji adalah tentang penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu pada hari ini. Selain itu, kajian ini juga akan merangkumi apakah faktor-faktor tulisan Jawi dipinggirkan oleh masyarakat hari ini,

tahap penguasaan sama ada kemahiran menulis dan membaca tulisan Jawi, usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan penggunaan tulisan Jawi dan juga persepsi atau pandangan masyarakat terhadap tulisan Jawi. Kajian ini tidak termasuk tahap-tahap perkembangan sistem tulisan Jawi secara terperinci. Kajian ini hanya berkisar pada tahap mikro sosiolinguistik sahaja.

Pengkaji menjadikan kawasan sekitar Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian. Penduduk di sekitar kawasan tersebut adalah merupakan sampel kepada pengkaji. Pengkaji telah memilih lokasi kajian ini kerana pengkaji sudah biasa dengan kawasan sekitar di situ dan ia merupakan satu kawasan yang berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Kampung Kerinchi juga merupakan sebuah perkampungan yang kebanyakannya penduduknya adalah berketurunan Melayu dipinggir bandar raya Kuala Lumpur. Justeru itu, amat sesuai bagi pengkaji untuk membuat kajian di lokasi tersebut kerana hasilnya nanti akan dapat menggambarkan tahap penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu di bandar iaitu di kampung Kerinchi khasnya dan di bandar raya Kuala Lumpur amnya.

1.8 KESIMPULAN

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang masalah-masalah yang telah membawa kepada kajian ini, kepentingan kajian, objektif kajian, batasan kajian, hasil-hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat dan juga Malaysia mengenai tulisan Jawi. Dengan ini, diharapkan dapat memberikan satu gambaran tentang kajian ini yang akan dibincangkan dalam bab-bab yang seterusnya.